

- 85 I Zaqwan asyik *memandang* beberapa ekor ikan emas di dalam akuarium itu.
 II Anis tidak mahu bersuamikan Adam kerana dia *memandang* Adam seperti abangnya sendiri.
 III Fawwaz langsung tidak *memandang* adiknya yang monangis kerana mahukan aiskrim yang dimakannya itu.
 IV Kami sekeluarga akan *memandang* televisyen selepas makan malam untuk mengeratkan hubungan.
 A I dan II
 B II dan III
 C I, II, dan III
 D II, III, dan IV

D Aspek Membetulkan Kesalahan

Soalan 86 hingga 90

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 86 Sewaktu pulang dari sekolah, Aiman minum cuka dalam gelas di atas meja kerana kehausan.
 A terminum cuka dalam gelas atas meja
 B meminum cuka di dalam gelas atas meja
 C terminum cuka di dalam gelas di atas meja
 D minum cuka dalam gelas di atas meja
- 87 Sampai di saat ini, Syafik masih belum makan walaupun sesuap nasi.
 A Sampai saat ini
 B Sampai pada saat ini
 C Sampai kepada saat ini
 D Sampai di saat ini
- 88 Pak Cik Sahak begitu gigih membalun tulang di sawah demi mencari rezeki untuk keluarganya.
 A gigih sekali membalun tulang di sawah untuk
 B begitu gigih membanting tulang di sawah demi
 C begitu gigih meringankan tulang di sawah demi
 D begitu gigih membalun tulang di sawah demi
- 89 Saya sekeluarga amat sukakan ikan patin yang dimasak tempoyak.
 A suka ikan patin amat
 B sukakan amat ikan patin
 C amat suka akan ikan patin
 D amat sukakan ikan patin
- 90 "Tolong tutup api dapur bila sup sayur itu sudah masak," pesan Puan Bainun kepada anaknya.
 A Tolong tutup api dapur apabila
 B Tolong tutup dapur api apabila
 C Tolong tutup dapur api bila-bila
 D Tolong tutup api dapur bila

E Aspek Menentukan Maksud Ayat

Soalan 91 hingga 95

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang bercetak tebal.

- 91 Dia melanjutkan pelajaran dalam bidang kesusasteraan di Universiti Putra Malaysia.
 A Universiti Putra Malaysia menawarkan kursus kesusasteraan kepadanya.
 B Di Universiti Putra Malaysia, dia melanjutkan pelajaran dalam bidang kesusasteraan.
 C Pengajiannya di Universiti Putra Malaysia berlanjutan dalam bidang kesusasteraan.
 D Bidang kesusasteraan ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia untuk melanjutkan pengajiannya.
- 92 Murid perempuan lebih banyak bilangannya daripada murid lelaki di sekolah itu.
 A Di sekolah itu, bilangannya lebih banyak daripada murid perempuan dan murid lelaki.
 B Jumlah murid lelaki lebih kurang dengan jumlah murid perempuan di sekolah itu.
 C Bilangan murid lelaki di sekolah itu kurang daripada bilangan murid perempuan.
 D Di sekolah itu, jumlah murid lelaki dan jumlah murid perempuan tidak banyak.
- 93 Lontaran lembingnya sangat kuat sehinggakan papan yang tebal itu terbulus.
 A Lembing dilontar dengan kuat agar mampu menembusi papan yang tebal itu.
 B Lembing yang dilontar tebal sangat itu menembusi papan yang kuat itu.
 C Papan yang kuat itu boleh bulus oleh lontaran lembingnya yang tebal.
 D Papan yang tebal itu terbulus oleh lontaran lembingnya yang kuat.
- 94 Arifah terpaksa berpatah balik kerana dia termasuk ke jalan buntu.
 A Oleh sebab termasuk ke jalan mati, maka Arifah terpaksa berpatah balik.
 B Arifah menemui jalan mati menyebabkan dia terpaksa berpatah balik.
 C Arifah menjadi buntu menyebabkan dia terpaksa berpatah balik.
 D Disebabkan buntu, maka Arifah berpatah balik.
- 95 Bas itu berhenti di hadapan rumah Suriati apabila dia menekan loceng.
 A Dia menekan loceng lalu bas itu berhenti di hadapan rumah Suriati.
 B Apabila Suriati menekan loceng, dia turun dari bas di hadapan rumahnya.
 C Apabila loceng ditekan oleh Suriati, bas itu pun berhenti di hadapan rumahnya.
 D Suriati dan dia menekan loceng menyebabkan bas itu berhenti di hadapan rumah.

F Aspek Memilih Ayat yang Betul

Soalan 96 hingga 100

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 96** I Inilah haiwan yang terbesar sekali yang pernah saya lihat.
II Kejayaan pasti akan dapat dicapai sekiranya kita mempunyai semangat yang tinggi.
III Gelas yang dipegang oleh adik terjatuh ke lantai lalu pecah berderai.
IV Puan Salmi sibuk di dapur yang memasak untuk kawan-kawannya.
A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV
- 97** I Encik Bakar baru hendak makan sewaktu saya tiba di rumahnya.
II Masih ada orang yang tidak tahu bahawa Gunung Kinabalu gunung yang tertinggi di Malaysia.
III Siapa di antara kamu berempat yang tinggal paling hampir dengan sekolah?
IV Usah percaya akan khabar angin yang didengar oleh kamu itu.
A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV
- 98** I Keropok itu memang digoreng oleh saya pagi tadi.
II Daun kering itu berterbangan apabila ditiup angin.
III Adik merengek semalaman kerana dia demam panas.
IV Aminah menjemur ikan-ikan masinnya ketika cuaca panas terik.
A I dan II
B II dan III
C I, II, dan III
D II, III, dan IV
- 99** I Mereka telah saya hantar ke stesen bas yang berdekatan.
II Pasukan Cendekia telah muncul sebagai johan dalam pertandingan itu.
III Tolong simpan baju kurung-kurung yang berlipat itu ke dalam almari.
IV Di suatu hari, Asri menulis sepucuk surat kepada ibunya.
A I dan II
B II dan III
C I, II, dan III
D II, III, dan IV
- 100** I Masih ada beberapa orang murid yang suka datang lewat ke sekolah.
II Tolong tutup suis alat pendingin hawa itu kerana nenek kesejukan.
III Pak Kinto berusaha menebang pokok balak yang sebesar dua pemeluk itu seorang diri.
IV Ah Soo telah menarah pendek rambutnya yang panjang itu agar kelihatan lebih rapi.
A I dan II
B II dan III
C I, II, dan III
D II, III, dan IV